

07/03/2004

Mahathir minta BN Kedah tebus maruah tercalar

ALOR STAR: Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui malu menjadi Perdana Menteri apabila Kedah hampir kalah pada pilihan raya umum ke-10, pada 1999 lalu.

Dr Mahathir berkata, beliau berasa serba salah untuk mengatakan apa-apa mengenai kedudukan ketika itu kerana Kedah adalah negeri kelahirannya.

Sehubungan itu, beliau yang juga penasihat jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) negeri, mahu ahli parti menebus semula maruah yang tercalar pada pilihan raya kali ini.

"Banyak pihak yang berterima kasih kepada saya kerana menjadi Perdana Menteri sebelum ini tapi bagi terima kasih terbaik adalah dengan memberikan kemenangan BN di Kedah.

"Inilah hadiah yang saya minta...Kalau tak beri pun saya tuntutan," katanya pada perjumpaan dengan 400 anggota jentera pilihan raya BN negeri di Bangunan Tunku, di sini.

Turut hadir, isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir serta pemimpin parti komponen negeri.

Sehubungan itu, Dr Mahathir meminta semua ahli melupakan segala sengketa bagi melancarkan jentera untuk memastikan kemenangan di Kedah.

Katanya, semua pihak perlu menerima keputusan pucuk pimpinan dalam memastikan calon bagi pilihan raya, sambil menjanjikan sokongan untuk memastikan kemenangan.

Beliau juga menasihatkan ahli parti agar membendung rasa marah tetapi menerima siapa saja calon yang terpilih.

"Saya juga sokong pucuk pimpinan walaupun dulu Pak Lah (Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) pernah cuba jatuhkan saya dengan Tengku Razaleigh (Hamzah).

"Saya tak simpan dendam...Apa yang dibuat elok bagi saya kerana yang penting parti terus menang," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau yakin BN mampu menang besar di Kedah asalkan tidak ada pergeseran dalaman parti atau sesama parti komponen.

"Pembangkang tidak punya isu untuk dibangkitkan dan di bawah pemerintahan BN, siapa yang kata tidak dapat faedahnya adalah bohong," katanya.

Malah, katanya, Pas sendiri tidak lagi memperkatakan lagi dengan konsep negara baik yang mendapat keampunan selaras dengan `baldatun thoiyibatun wa rabbun ghafur`.

"Jika (Menteri Besar Kelantan, Datuk) Nik Aziz (Nik Mat) mahu terus menyatakan undi Pas boleh masuk syurga, penyanggak dan perompak serta perogol juga boleh masuk syurga dengan memangkah Pas," katanya.